

# CINTA KEPADA RASULULLAH...

oleh : AISHAH



## EDITOR'S WORD

Assalamualaikum. お元氣ですか？皆様、能力試験は12月7日にありますね。準備をしていますか？後2, 3週間あるので、頑張りましょうね。時間を大切にしましょう。困っている友達を手伝ってあげましょう。皆様、今回のアッザリヤト.コンパックのテーマはなぜ私たちは神様に感謝するのかについてです。これから、アッザリヤト.コンパックを読んで答えを探しましょう。

And remind (by preaching the Qur'an, Muhammad S.A.W) for verily, the reminding profits the believers.

(Az-zariyat, 51:55)

**BIRO PEMBANGUNAN  
INSAN (PMJAD)  
26 DZULQAEDA 1429  
25 NOV 2008**

**::AZ-ZARIYAT  
COMPAQ CREW ::**

-chief editor-  
HAFIDZ  
-assistant-  
SYAFIQ, HUDA  
-designer-  
RIFQI, LUTFI  
-reporter-  
SHARON, HAMDI,  
K ANUAR  
-publishers-  
AISHAH, FATIMAH, RAZIZ  
-writers-  
FAIRUZ, BASHARIAH,  
LANI, AYESYA

- 1) 私たちを愛してくれる人に対して感謝「かんしゃ」をどうやって表したらいい でしょうか。
- 2) 私たちが愛する人をどこまで許せるのでしょうか。



かんしゃ  
**感謝** ED151  
PENGHARGAAN

アッザリヤト  
AZ-ZARIYAT  
2ND EDITION  
COMPAQ VERSION

- マハニ先生 -

1. まず、アラの神様をだいにする。だから、いつも ALLHAMDULLILAH という(感謝を言う)。それに、おいのりも、かならずする。次に、悪いことをしないようにする。ほかのだいは、両親が、言う子とよく聞く。困るとき、両親をたつける。他のだいは、夫です。いつも、夫にありがとうと言う。
2. 悪いことをして、その人を、おくっても許してあげる。よく、アラの神様を考えることいつも「」と自分にいっています。イスラム教として許してあげる人が一番いい人です。私もいい人になりたいです。

- おおこし先生 -

1. 私たちを愛してくれる人は必ず私たちのことを信じて、いろいろなきぼうとか期待を持っているかもしれません。だったら、私たちはその人たちの期待に答えられるようにした方がいいと思います。でも、成功したら感謝できると思います。
2. 愛している人なら、もちろん、信じられますから、どんなことでも許せると思います。そのような人はいつか自分の悪いことに気がつくので、愛すれば、許すことができますね。でも、その悪いことがいい自分のことだけだったら、許せません。もしほかの人を悪くするように誘ったら、ぜったい許せません。

- ロハニ先生 -

1. その人を、いつもそうんけいすること。いつも感謝を言う。
2. その人をゆるしてあげる。そのひとも、きらいではないでください。

- くが先生 -

1. 愛してくれる人に感謝する方法は愛の気持ちを返すことだと思います。例えば、その人をそんけいしたり、手紙を書いたりすることです。とにかく、一番大切なことは愛してくれる人のことをいつも思い出すことだと思います。
2. 私は愛したら、どこまでも許せると思います。でも、時々愛している人が信じられないと思って、許しにくい時もあります。そうはいつでも、もちろん愛するということはお互いの関係を守ることなんですから、その気持ちを守らなければなりません。

Seorang hamba bernama Tsauban amat menyayangi dan sentiasa merindui Nabi Muhammad S.A.W.. Sehari tidak berjumpa baginda dirasakan bagai setahun lamanya. Dia juga berasa sedih, murung dan seringkali menangis sekiranya tidak dapat bertentang mata, menatap wajah baginda, kekasih Allah. Baginda mengetahui betapa hebatnya kasih sayang Tsauban terhadap dirinya. Suatu hari Tsauban berjumpa Rasulullah S.A.W. dan berkata, "Ya Rasulullah, saya berasa sangat sedih jika berpisah dan tidak bertemu denganmu walaupun sekejap. Jika dapat bertemu, barulah hatiku tenang dan gembira sekali. Apabila memikirkan akhirat, hatiku bertambah cemas, takut-takut tidak dapat bersua denganmu. Kedudukanmu sudah tentu di syurga yang paling tinggi, manakala saya belum tentu dapat masuk ke syurga yang paling bawah atau lebih membimbangkan tidak dimasukkan ke dalam syurga langsung. Ketika itu saya tentu tidak dapat bersua muka denganmu lagi." Mendengarkan kata-kata Tsauban, baginda amat terharu. Namun baginda tidak dapat berbuat apa-apa kerana itu urusan Allah. Maka, turunlah wahyu Allah S.W.T. kepada Rasulullah S.A.W. yang bermaksud, "Barangsiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka itu nanti akan bersama mereka yang diberi nikmat oleh Allah iaitu para nabi, syuhada, orang-orang soleh dan mereka yang sebaik-baik teman." Mendengarkan jaminan Allah ini, Tsauban menjadi gembira semula.

Tauladan dari kisah ini: Cinta kepada Rasulullah S.A.W. ialah cinta sejati yang berlandaskan keimanan yang sebenar. Mencintai Rasul bermakna mencintai Allah. Jika di dunia kita mempunyai rasa kasih akan Rasulullah S.A.W., insya-Allah kita akan bersama dengan baginda pada hari akhirat nanti. Hati yang mempunyai rasa cinta terhadap seseorang akan merasakan rindu yang teramat sangat jika tidak bertemu. Adakah rasa cinta itu dalam diri kita? Rasulullah mengetahui mana-mana umatnya yang mencintai baginda, meskipun baginda sudah wafat. Rasulullah memberi syafaat kepada sesiapa di antara umatnya yang mengasihi baginda. Adakah kita mempunyai rasa kasih, cinta terhadap Rasulullah S.A.W. yang amat menyayangi kita sebagai umatnya? Adakah kita mengamalkan cara hidup berlandaskan ajaran yang telah disampaikan oleh Rasulullah? Renung-renungkanlah...

## NIKMATNYA PENGHARGAAN

oleh : FAIRUZ

Ketika ekspedisi ke Tabuk dihebohkan, para sahabat berlumba-lumba untuk memberikan yang terbaik bagi usaha jihad itu. Namun, tidak semua orang memiliki kesempatan untuk menginfakkan diri kerana dibelenggu pelbagai masalah. Mereka yang tidak berkesempatan datang menangis di hadapan Rasulullah S.A.W. Mereka sedih kerana tidak mampu menginfakkan nyawa mereka di jalan Allah. Mereka menghiba kepada Rasulullah S.A.W. Meskipun secara materialnya mereka tidak menyumbang, namun Rasulullah S.A.W. tetap menghargai usaha mereka. Kerana kesedihan yang mendalam, Ulayyah bin Yazid di tengah tahajjudnya menangis dan berdoa kepada Ar-Rabb, "Ya Allah, aku telah Engkau perintahkan supaya berjuang untuk agama-Mu, namun Engkau belum memberiku sesuatu yang dapat memperkuatkan diriku untuk tujuan itu. Engkau juga belum memberi Rasul-Mu sesuatu yang dapat membawaku ke medan perang. Padahal aku selalu bersedekah dengan kerelaanku, menerima kezaliman orang terhadap diriku dengan kemaafan, baik badanku, hartaku ataupun kehormatanku..." Keesokan paginya Rasulullah SAW bertanya, "Manakah orang yang malam tadi bersedekah?" Namun tiada satu orang pun mengaku. Baginda mengulangi kembali pertanyaannya. Kemudian Ulayyah bin Yazid bangkit dan menjawab, "Aku, Rasulullah. Aku bersedekah dengan harga diriku. Aku telah memaafkan semua orang yang berlaku zalim padaku agar mereka dapat berperang dengan tenang." Kemudian Baginda bersabda, "Sungguh, sedekahmu telah diterima".

Setelah pulang dari Tabuk, Baginda bersabda kepada penduduk Madinah, "Di Madinah semua orang telah ikut berangkat bersama kalian. Mereka turut menjelajahi lembah bersama-sama kalian.". Sahabat bertanya, "Ya Rasulullah, bukankah mereka tetap tinggal di Madinah?" Baginda S.A.W menjawab, "Ya, mereka tetap tinggal di Madinah tetapi bukan atas kerelaan mereka sendiri. Mereka telah menyediakan kalian untuk pergi berjihad dengan harta, keturunan dan maruah mereka. Allah S.W.T telah memberi ganjaran kepada mereka. Sungguh, Allah itu Maha Adil". Kesedihan Ulayyah dan semua penduduk Madinah yang memiliki Himmah dan Irodah berganti kegembiraan dan rasa ketakutan kepada Allah S.W.T kerana tidak turut sama berperang berubah menjadi ketenangan. Sungguh nikmat ganjaran yang diberikan Allah S.W.T sehingga membuat hati yang runsing menjadi tenang dan gembira atas janji Allah itu. Bagaimana dengan kita rakan-rakan? Apakah usaha kita untuk agama Allah SWT yang suci ini?

# HARGA SEBUAH PENGHARGAAN...

nukilan:bashariah

"Tidaklah engkau tahu bahawa siapa yang ada di langit dan siapa yang ada di bumi bersujud kepada Allah, juga matahari, bulan, bintang, gunung-gunung, pohon-pohon, haiwan-haiwan, yang melata dan banyak di antara manusia?"

Tetapi banyak (manusia) yang pantas mendapatkan azab. Barang siapa yang dihina Allah, tidak ada seorang pun yang akan memuliakannya. Sungguh Allah berbuat apa sahaja yang Dia kehendaki."

-Surah Al Hajj ayat 18-

Setiap makhluk di bumi ini adalah ciptaan Allah. Semuanya bersujud memuji kebesaran Allah. Sedangkan haiwan memuji Allah tanda penghargaan kepada maha Pencipta jadi apakah hak kita sebagai manusia yang amat lemah untuk tidak menghargai segala nikmat Allah? Kita telah memberi lebih perhatian dan penghargaan sesama insan berbanding Allah. Lebih lebih lagi apabila kita melebihi rindu kita kepada 'kekasih hati' berbanding merindui Allah, melebihi masa dan tenaga kita untuk kerja dunia berbanding meluangkan masa untuk bersujud hanya beberapa minit kepada Allah, untuk kerja akhirat sedangkan perkara-perkara lain itu juga adalah ciptaan Allah. Hidup mereka juga diaturkan oleh Allah. Allah jugalah yang memberi kita peluang untuk bernafas setiap detik. Sesungguhnya Allah berkuasa untuk menghentikan nafas kita pada bila-bila masa sahaja, namun Allah tidak sewenang-wenangnya berbuat demikian walaupun kita sering sahaja sombong dan melupakanNya. Kerana apa? Kerana Allah sayangkan kita. Kerana apa? Kerana Allah menghargai kita sebagai ciptaanNya. Namun apakah sudah cukup amalan dalam menzahirkan seluruh penghargaan kita kepada Allah yang satu? Masihkah kita mahu terus hanyut dalam menghargai sesuatu yang juga lemah? Sesuatu yang juga berada di bawah kekuasaan Ar-Rahman yang tidak terbatas. Marilah kita sama-sama sandarkan segala penghargaan kita pada Allah yang Esa, sebagai tanda syukur atas setiap nikmat yang tidak terbatas untuk kita. Kita selalu berkata, 'Sekejap lagi aku solat!' di saat seruan azan telah memanggil untuk menyembah Al-Ahad. Bayangkan, pada waktu itu nyawa kita direntap dan kita dipanggil untuk bertemuNya. Kita belum langka tanggungjawab kita lagi, sahabat-sahabatku. Apa jawapan kita nanti?? Mampukah kita untuk meminta masa walau hanya sesaat pada waktu nyawa kita mahu diambil supaya kita dapat bertaubat dan menzahirkan segala penghargaan yang selama ini kita lupakan? Mampukah wahai sahabat-sahabatku? Berapakah harga penghargaan kita kepada Allah dalam mensyukuri segala nikmat Allah yang terlalu banyak untuk dihitung??? Renung-renungkanlah.

## MENGHARGAI DAN DIHARGAI...

olaham:elani

"KETENANGAN DAN KEBAHAGIAAN ADALAH HEMBUSAN DARI LANGIT, DITURUNKAN KE LUBUK HATI ORANG BERIMAN. MEREKA TETAP BERHATI TEGUH DIKALA ORANG LAIN DALAM KEGONCANGAN..."

-SYED QUTB-

Istilah menghargai dan rasa dihargai sudah menjadi sesuatu yang sinonim dalam masyarakat kini. Allah S.W.T sebagai satu kuasa agung yang menghadiahkan pemberian dan kita pula sebagai hambanya yang menerima segala kurnian tersebut.

Penghargaan kalau kita lihat dari aspek istilah mungkin memberi definisi ke arah positif. Title 'student jad' juga ialah satu penghargaan yang Allah kurniakan. Dalam berjuta-juta pelajar Malaysia, kita telah dipilih untuk menerima anugerah tersebut lalu memikul beban dan tanggungjawab melaksanakan tuntutan fardhu kifayah tersebut. Akan tetapi, mengapakah masih kedengaran suara rintihan dan alasan-alasan yang tidak sedap didengar oleh cuping telinga?

Allah memberi tanggungjawab dan amanah kepada seseorang hamba itu kerana Allah tahu daya dan kemampuan seseorang itu menangani amanah tersebut dengan baik. Jadi kita perlulah bersyukur, menerima dengan hati yang terbuka dan selikhas yang mungkin. *Shukudai, kadai, report* yang bertimbun-timbun bukanlah satu bebanan. Kita perlulah menukar 'mind set' kita dengan mengatakan itu semua ialah "penghargaan"! Kalau kita katakan tidak, itu bermaksud kita cuba menolak sesuatu yang Allah S.W.T telah tentukan sebagai yang terbaik untuk diri kita. Mahukah kita dikatakan sebagai pelajar yang kufur nikmat?

Allah turunkan hujan kepada kita. Tidak cukup dengan itu saja, Allah sambarkan pula petir dan kilat. Tapi tahukah kita itu semua hanyalah semata-mata untuk menunjukkan betapa indahNya 7 lapisan warna-warni pelangi megghiasi biruan langit? Begitu jugalah kehidupan kita baik di JAD mahupun kehidupan di luar sana. Kalau kita mengeluh dengan jadual yang padat, kuiz yang banyak, *shukudai* yang berganda, bagaimana dapat kita rasakan nikmat graduasi nanti? Pada masa depan, mampukah kita bangun di tengah malam apabila mendapat panggilan kecemasan untuk segera kembali ke pejabat? Allah S.W.T Maha mengetahui akan perjalanan hidup kita.

Cubalah kita renungkan kembali apakah bentuk penghargaan yang Allah S.W.T telah kurniakan kepada kita? Cuba kita imbas kembali apa pula balasan kita sebagai tanda penghargaan kepada Allah S.W.T? Adakah nisbahnya adil dan saksama pembahagiannya? Renung-renungkanlah. Semoga hari-hari kita selepas ini sentiasa berada dalam lingkungan rahmat dari-Nya. Insya Allah.

## SEBUAH PENGHARGAAN

oleh:huda

Wahai manusia

Detik demi detik berlalu

Hari demi hari beransur pergi

Engkau hidup tenggelam dengan kekayaan dunia

Engkau hidup dipandu nafsu durjana

Tanpa sadar

Engkau dimamah usia

Tanpa sadar

Hutang terhadap Ilahi yang masih belum engkau lunaskan

Budi yang tak pernah kau balas

Jasa yang tak pernah kau kenang

Nikmat Tuhan yang tak pernah kau hargai semakin bertimbun

Antara sadar dan tidak kau dustakan setiap kurniaNya

Terlalu banyak nikmat yang diberi

Namun engkau balas dengan tuba

Engkau ingkar perintahnya

Bila mana nyawamu dijadikan taruhan di medan dunia

Medan ujian Allah

Kau hargai harta lebih dari Tuhanmu

Kau hargai wanita lebih dari Tuhanmu

Kau hargai dunia lebih dari Tuhanmu

Wahai manusia

Kau tak tahu saat malam berlalu

Hingga fajar datang menjelang

Adakah masih punya waktu

Buat kau menghargai nikmat Tuhan padamu??

Wahai manusia

Sebelum Izrail datang menjemput

Hargailah nikmat Tuhan padamu

Demi kesempatan bernafas

Demi rezeki yang dikurniakan bagi melangsungkan kehidupan

Demi kesihatan dan masa lapang yang dikurniakan

Hargailah nikmat Tuhan padamu

Demi membenarkan engkau menumpang di buminya

Demi ayahanda dan bonda yang tercipta untukmu

tempat engkau bermanja, mengulit kasih dan sayang

Demi harta kekayaan yang melimpah ruah

Hargailah nikmat Tuhan padamu

Selagi ajal belum menjemput dan hayat dikandung badan

Selagi darah masih mengalir dan jantung masih berdegup

Kerana engkau tidak pernah akan tahu

Bila nikmat itu akan ditarik

Angkara khilafmu sendiri

Dalam meletakkan sebuah penghargaan yang haqiqi

Buat Yang Maha Esa....

### Harga sebiji mata....

Harga sebiji mata, iaitu salah satu daripada nikmat kurniaan Allah S.W.T kepada kita adalah lebih mahal daripada jumlah pahala ibadah seorang ahli sufi selama 500 tahun. Percayakah anda?? Sudah cukupkah amalan kita untuk membayar pinjaman Allah S.W.T tersebut sekiranya kita diminta untuk membayarnya?? Bagaimanakah pula dengan nikmat-nikmat yang lain?? Adakah kita menghargai nikmat-nikmat tersebut dengan sebenar-benarnya?? Adakah nikmat-nikmat tersebut telah digunakan untuk mengamalkan perkara-perkara makruf ataupun untuk mendorong hal-hal mungkar?? Renung-renungkanlah..

## HADIAH DARI ABAH

oleh:Ayesya

Sehari sebelum aku berangkat pulang ke kota, abah memanggilku ke pejabatnya, kawasan larangan dalam istana (rumah) kami. Aku berasa amat hairan apabila abah menyuruhku masuk ke pejabatnya. Sebelum ini, kami tidak pernah sekalipun dibenarkan masuk ke pejabatnya. Pernah satu ketika dulu, aku dan along dirotan teruk gara-gara cuba curi masuk ke pejabat larangan abah. Walaupun kecil tetapi pejabat abah sarat dengan dokumen syarikat.

"Ambil bungkusan ini dan bukalah hanya apabila kamu rasa benar-benar buntu untuk menyelesaikan masalah kamu", kata ayah sambil menyerahkan bungkusan yang sederhana besar. Dan esoknya ayah menghantar aku ke stesen bas dengan senyuman penuh makna.

Sudah hampir 3 bulan aku tidak pulang ke kampung. Aku terlalu sibuk sehinggakan dalam seminggu, hanya sekali saja aku menelafon keluarga bertanyakan khabar. Sebenarnya, terlalu banyak masalah yang telah aku hadapi; masalah dengan kawan-kawan, masalah dalam pelajaran, dan mungkin juga masalah dengan hubunganku terhadap Penciptaku. Disebabkan terlalu banyak masalah, kadangkala aku hampir putus asa untuk menghadapi semua ini. Aku teringat akan bungkusan yang ayah berikan kepadaku dulu. Rasanya, sudah tiba masanya untuk aku merungkai rahsia yang tersirat dibalik bungkusan tersebut.

Bungkusan itu tersimpan elok di bawah katil. Bungkusan itu sudah pun diselaputi oleh lapisan habuk. "Beginikah cara aku menghargai pemberian abah??", bisik hatiku. Aku dihambat rasa bersalah. Dengan cermat aku membuka bungkusan itu. Ternyata di dalam bungkusan tersebut terdapat sehelai sejadah lama, kain pelikat baru dan sebuah kompas penunjuk arah kiblat serta sekeping nota yang berbunyi...

"Tiada namanya lautan jika ia tidak bergelora, tiada namanya bumi jika tidak ditimpa hujan dan tiada namanya kehidupan jika tiada masalah yang melanda. Sebagaimana warna menyempurnakan lukisan, masalah pula adalah penyempurnaan kehidupan. Bersyukurlah, sekurang-kurangnya kamu masih hidup dan Allah masih mengambil berat terhadap kamu, kerana itu dianugerahkan olehNya masalah, buat kamu menajamkan lagi akalmu. Tenang dan rapatkan kedua tangan menadah dan mohon petunjuk kepada Allah S.W.T kerana sesungguhnya Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

~Muhammad Salleh~

Aku terpana. Ternyata ia adalah hadiah yang amat bermakna daripada datukku kepada ayahku dan sekarang diberikan kepadaku. Aku tersentuh lalu menangis. Sejak itu, aku selalu mengucapkan syukur setiap kali aku dilanda masalah kerana aku tahu bahawa Allah masih mengambil berat akan diriku.

**Pengajaran:** Kita seringkali mengeluh setiap kali dilanda masalah. Kita seringkali menyalahkan Tuhan kerana ditimpa masalah tanpa kita sedar bahawa ternyata musibah itu bukan saja untuk menyedarkan kita dari lena tetapi hikmah dibaliknyaa adalah untuk menajamkan lagi akal dan menghargai nikmat Allah pada kita.

### SURAH AL-HAJJ:40

Allah akan membantu sesiapa sahaja yang membantu agama-Nya.

Setiap hari kita memohon bantuan daripada Ar-Rabb. Memohon pengampunan dosa dari-Nya. Allah S.W.T juga telah berjanji akan membantu sesiapa sahaja yang berada dan membantu agama-Nya. Namun, pernahkah kita fikirkan apakah yang telah kita lakukan untuk membantu agama-Nya? Atau adakah kita yang berusaha merosakkan agama-Nya dengan mengingkari segala arahan-Nya?? Fikir-fikirkanlah.....